

NO SOALAN : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD.
MANAP
(SEKIJANG)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan program yang direncana dibawah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPEL) bagi membantu pesara dan veteran tentera memiliki kemahiran tertentu untuk mendapatkan pekerjaan serta nyatakan modul-modul yang akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Pelaksanaan Program *Recognition Prior Experiential Learning* (RPEL) telah dilancarkan pada 2 Februari 2017 melalui pemeteraian MoU antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sejak program ini dilancarkan, seramai 71 bakal dan veteran ATM masih dalam proses saringan bagi menentukan syarat kelayakan dipenuhi, manakala seramai 229 bakal dan Veteran ATM telah menunjukkan minat mengikuti program ini.

RPEL merupakan satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan ketrampilan yang digariskan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki.

Program-program yang dilaksanakan melalui RPEL melibatkan 29 sektor pekerjaan yang didaftarkan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK @ NOSS) seperti berikut:

1. Elektrik dan Elektronik, Telekomunikasi dan Industri
Penyiaran;
2. Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
3. Pemesinan dan Peralatan;
4. Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Mekanikal dan
Elektrik;
5. Pengangkutan;
6. Bahan;
7. Pembungkusan;
8. Percetakan;
9. Kimia;
10. Perubatan dan Farmaseutikal;
11. Hospitaliti dan Pelancongan;
12. Cenderahati dan Industri Kecil;
13. Bangunan dan Pembinaan;
14. Lanskap dan Alam Sekitar;
15. Hiasan Dalaman;
16. Pengurusan Bisnes;
17. Tekstil dan Pakaian;
18. Pertanian dan Asas Tani;

19. Sumber Asas;
20. Bioteknologi;
21. Pendidikan dan Perkhidmatan Latihan;
22. Minyak dan Gas;
23. Industri Halal;
24. Industri Perkhidmatan Logistik Bersepadu;
25. Perniagaan Secara Distributif;
26. Pertahanan dan Perkhidmatan Keselamatan;
27. Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti;
28. Seni dan Kebudayaan; dan
29. Industri Perlombongan.

Dari 29 sektor pekerjaan ini, sebanyak 9 sub sektor akan dilaksanakan oleh PERHEBAT melalui program RPEL iaitu:

1. Pemasangan Elektrik;
2. Penyedia & Pembuatan Makanan;
3. Binaan Awam & Struktur;
4. Automotif Selepas Jualan;
5. Rangkaian Komputer;
6. Elektronik Industri;

7. Kimpalan;
8. Penyejubekuan dan Penyamanan Udara; dan
9. Makanan dan Minuman.

Bagi calon-calon yang berminat mengikuti program-program diluar kendalian PERHEBAT, mereka juga perlu mendaftar dengan PERHEBAT untuk memudahkan pengurusan penempatan ke pusat-pusat latihan luar selaras dengan sektor pekerjaan yang diminati.